



**PANDUAN  
PERMOHONAN BAGI SUATU CARIAN PADA DAFTAR**

**JABATAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN  
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA  
MALAYSIA**

**1 JULAI 2023**

## **ISI KANDUNGAN**

<b>1.0</b>	<b>TUJUAN</b>	<b>1</b>
<b>2.0</b>	<b>LATAR BELAKANG</b>	<b>1</b>
<b>3.0</b>	<b>TAFSIRAN</b>	<b>2</b>
<b>4.0</b>	<b>PERMOHONAN CARIAN DAFTAR</b>	<b>3</b>
<b>5.0</b>	<b>SENARAI REKOD LAIN BAGI CARIAN DAFTAR</b>	<b>3</b>
<b>6.0</b>	<b>KADAR FI</b>	<b>3</b>
<b>7.0</b>	<b>TARIKH KUAT KUASA</b>	<b>4</b>

## **1.0 TUJUAN**

Panduan ini bertujuan menjadi rujukan kepada semua pemegang taruh dan pihak berkepentingan atau orang awam bagi mendapatkan maklumat berkaitan Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM) melalui suatu carian di Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK).

## **2.0 LATAR BELAKANG**

Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) merupakan agensi Kerajaan yang berperanan untuk menyelaras dan mengawal selia program latihan kemahiran di peringkat nasional melalui SPKM. Akta Pembangunan Kemahiran Kebangsaan 2006 [Akta 652], Subseksyen 70 (1)(2) menyatakan orang awam boleh membuat suatu carian pada daftar yang terdiri daripada Standard, sijil pentaulahan, Sijil dan rekod-rekod lain yang difikirkan sesuai oleh Ketua Pengarah dengan membayar fi yang ditetapkan.

Seiring dengan peranan JPK sebagai penyelaras latihan kemahiran peringkat nasional, JPK menerima banyak permohonan carian daftar daripada Penyedia Latihan Kemahiran (PLK), agensi dan mana-mana individu khususnya dalam carian Sijil, maklumat PB, statistik, daftar NOSS dan sebagainya. Ada di antara maklumat daftar ini boleh diakses secara percuma melalui Portal TVET Madani dan laman sesawang JPK; dan ada juga permohonan yang memerlukan penelitian dan semakan terperinci oleh pegawai JPK.

Sehubungan itu, mulai 1 Julai 2023 sepermulaan dalam Peraturan-Peraturan Pembangunan Kemahiran Kebangsaan (Fi dan Caj) (Pindaan) 2023 [P.U. (A) 90/2023], JPK telah mengenakan fi bagi suatu carian pada daftar.

### 3.0 TAFSIRAN

- i. “**carian**” ertinya suatu proses untuk mencari maklumat berkaitan Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM) melalui elektronik ataupun manual;
- ii. “**daftar**” ertinya semua Standard yang diluluskan oleh Majlis di bawah seksyen 20, semua sijil petaulahan yang dikeluarkan di bawah seksyen 26 yang mengandungi semua butiran berkaitan dengan penyedia latihan kemahiran dan program bertauliahan yang dijalankan oleh PLK, semua Sijil yang dianugerahkan di bawah seksyen 34, dan rekod lain sebagaimana yang difikirkan sesuai oleh Ketua Pengarah;
- iii. “**Penyedia Latihan Kemahiran (PLK)**” ertinya suatu pertubuhan perbadanan, organisasi atau lain-lain kumpulan orang yang mengendalikan program latihan kemahiran yang maksud utamanya adalah bagi memenuhi kehendak Standard berkaitan;
- iv. “**rekod lain**” ertinya apa-apa rekod yang berkaitan dengan carian dalam Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM);
- v. “**Sijil**” ertinya kelayakan kemahiran yang dianugerahkan kepada seseorang oleh Ketua Pengarah di bawah Seksyen 34; dan
- vi. “**Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM)**” ertinya polisi, mekanisma Standard dan tatacara yang terlibat dalam penganugerahan suatu Sijil oleh Ketua Pengarah.

## **4.0 PERMOHONAN CARIAN DAFTAR**

Semua maklumat carian yang boleh diakses melalui Portal TVET Madani dan laman sesawang JPK adalah **tidak dikenakan** bayaran fi. Proses kerja bagi carian daftar/rekod yang dikenakan fi sebanyak RM30.00 adalah seperti di **Lampiran A**.

Permohonan carian daftar adalah mengikut kepada keperluan Penyedia Latihan Kemahiran (PLK), agensi atau mana-mana individu. Ringkasan proses carian daftar yang akan dikenakan fi sebanyak RM30.00 adalah seperti berikut:

- i. Pemohon hendaklah mengemukakan borang permohonan carian yang lengkap yang boleh diakses melalui portal TVET Madani atau laman sesawang JPK seperti di **Lampiran B**.
- ii. JPK akan menyemak maklumat carian daftar yang dimohon.
- iii. JPK akan memaklumkan kepada pemohon untuk membayar RM30.00/ carian.
- iv. Maklumat carian yang dimohon akan diamelkan kepada pemohon setelah fi sebanyak RM30 diterima.

## **5.0 SENARAI REKOD LAIN BAGI CARIAN DAFTAR**

Carian rekod lain adalah berkaitan Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM) iaitu selain Standard, sijil pentaulahan dan Sijil iaitu:

- i. statistik SPKM
- ii. maklumat kajian-kajian JPK yang telah dibangunkan
- iii. maklumat analisis data sedia ada berdasarkan SPKM
- iv. maklumat rekod lain yang signifikan dengan SPKM dengan kebenaran Ketua Pengarah Pembangunan Kemahiran.

## **6.0 KADAR FI**

Terdapat tiga (3) kaedah bayaran yang diterima oleh JPK iaitu secara tunai di kaunter JPK, kiriman wang atau bank draf atas nama Ketua

Pengarah Pembangunan Kemahiran. Kategori carian daftar dan kadar yang ditentukan adalah seperti Jadual 1.

Jadual 1 : Kategori Carian Daftar

<b>Kategori Carian/Rekod</b>	<b>Status bayaran fi (RM30.00) /</b>
Carian Daftar/ Rekod yang boleh diakses melalui Portal TVET Madani atau laman sesawang JPK.	Percuma
Carian Daftar/Rekod yang boleh diakses secara percuma tetapi pemohon memohon pegawai JPK untuk mencari Daftar/ Rekod	RM30.00
Carian Daftar/ Rekod yang tidak boleh diakses secara percuma	RM30.00


## 7.0 TARIKH KUAT KUASA

Mana-mana Kementerian / Jabatan / Agensi / Badan Kerajaan yang memohon untuk mendapatkan maklumat carian daftar termasuk rekod lain tidak dikenakan fi. Panduan ini berkuat kuasa pada tarikh **1 Julai 2023**

Ketua Pengarah Pembangunan Kemahiran  
Kementerian Sumber Manusia

**Lampiran A**

**PROSES CARIAN DAFTAR YANG DIKENAKAN FI**





**JABATAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN  
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA, MALAYSIA**

PERMOHONAN BAGI SUATU CARIAN PADA DAFTAR			
Nama PLK/ Agensi / Individu			
Kod PB (jika berkaitan)			
e-mel			
No. telefon bimbit			
No Fail Rujukan PLK / PB			
Tarikh Penerimaan Permohonan (diisi oleh JPK)			
<b>A. Jenis permohonan (sila tandakan (X) pada satu permohonan carian dalam satu-satu masa)</b>			
<input type="checkbox"/>	Standard  Sila perincikan maklumat yang dicari: _____	<input type="checkbox"/>	Statistik SPKM  Sila perincikan maklumat yang dicari: _____
<input type="checkbox"/>	Sijil Pentaulahan  Sila perincikan maklumat yang dicari: _____	<input type="checkbox"/>	Maklumat kajian-kajian JPK yang telah dibangunkan  Sila perincikan maklumat yang dicari: _____
<input type="checkbox"/>	Sijil  Sila perincikan maklumat yang dicari: _____	<input type="checkbox"/>	Maklumat analisis data sedia ada berdasarkan SPKM  Sila perincikan maklumat yang dicari: _____
<input type="checkbox"/>	Maklumat rekod lain yang signifikan dengan SPKM dengan kebenaran Ketua Pengarah Pembangunan Kemahiran.  Sila perincikan maklumat yang dicari: _____		
<b>B. Maklumat Bayaran (RM30/carian)</b>			
<input type="checkbox"/>	Tunai (kaunter)	<input type="checkbox"/>	Kiriman Wang
<input type="checkbox"/>	Bank Draf		
Tarikh e-mel permohonan carian daftar (JPK)			